

0204

U 8906 AAB  
MAHATHIR-GAS

I

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MENSKAJI  
KEMUNGKINAN MENGEKSPORT GAS ASLI KE THAILAND SELEPAS MENCAPAI  
PERSETUJUAN MENJUAL BAHAN ITU KEPADA SINGAPURA BARU-BARU INI, KATA  
DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA AKAN BERUNDING DENGAN THAILAND  
UNTUK MEMBEKALKAN GAS ASLI KEPADA STESEN JANAKUASA YANG DIRANCANG  
DIBINA OLEH THAILAND DI SELATAN NEGARA ITU.

KERJASAMA ITU ADALAH SATU LAPANGAN BARU DALAM DAGANGAN GAS UNTUK  
MALAYSIA DAN JUGA MERUPAKAN PERMULAAN EKSPORT GAS MENERUSI SALURAN  
PAIP DI RANTAU ASIA DAN PASIFIK, KATANYA KETIKA MERASHIKAN  
PERSIDANGAN DAN PAMERAN LNG/LPG ANTARABANGSA KE13 -- +SASTECH 88+ DI  
SINI HARI INI.

PERSIDANGAN EMPAT HARI ITU DIHADIRI KIRA-KIRA 1,800 PESERTA DARI  
30 BUAHNEGARA DAN PERTAMA KALI DIADAKAN DI LUAR EROPAH SEJAK IA  
DIMULAKAN PADA 1972.

SEHABA MENGHURAIKAN BIDANG EKSPORT, DATUK SERI DR MAHATHIR  
BERKATA MALAYSIA TELAH MENJADI SEBUAH PENGELUAR UTAMA GAS CECAIR  
ASLI (LNG) DENGAN PENDAPATAN KIRA-KIRA AS\$996 JUTA TAHUN LEPAS  
BERBANDING AS\$330 JUTA PADA 1983. --LAGI  
1433MST 18 10 88

U 8911 AAB  
MAHATHIR-GAS 2 KUALA LUMPUR

+MALAUPUN KAMI GEMBIRA DENGAN KEJAYAAN LOJI KAMI DAN PASARAN LNG  
KAMI DI JEPUN, KEJATUHAN HARGA DAN PERSANTUNGAN KAMI KEPADA DUA  
PENGGUNA ADALAH DUA PERKARA YANG MEMBINGBASKAN KAMI,+ KATANYA.

OLEH ITU, KATANYA MALAYSIA INGIN MELIHAT HARGA LNG MENJADI  
STABIL SELAIN DARIPADA MENDAPATKAN PASARAN-PASARAN BARU.

KATANYA MALAYSIA JUGA INGIN MENDAPATKAN TEKNOLOGI BARU YANG  
BOLEH MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN, PENGEDARAN DAN PENGANGKUTAN.

SAMBIL MENYEBUT BAHAWA PEMBANGUNAN GAS ASLI TELAH MEMBANA  
MALAYSIA KE SATU ERA BARU DI BIDANG TENAGA, DATUK SERI DR MAHATHIR  
BERKATA ADALAH DIHARAPKAN BAHAN ITU AKAN MENYEDIAKAN SATU KELEBIHAN  
DARI SEGI DAYA SAINS KEPADA INDUSTRI DAN PARA PEKILANG MALAYSIA  
UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DI NEGARA SENDIRI DAN DI PERINGKAT  
ANTARABANGSA.

KATANYA MALAYSIA KINI BERADA DI TANGGA KE13 DI KALANGAN  
NEGARA-NEGARA DARI SEGI SAIZ SIMPANAN GAS ASLI.

+PADA MASA INI, SIMPANAN KAMI YANG BOLEH DIPEROLEHI BERJUMLAH 52  
TCF ATAU SAMA JUSA DENGAN 9.8 BILION TONG MINYAK, IAITU TIGA KALI  
SANDA LEBIH DARIPADA SIMPINAN MINYAK KAMI,+ KATANYA. --LAGI  
1436MST 18 10 88

0227

U 8925 AAB  
MAHATHIR-GAS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGGUNAAN GAS ASLI DALAM NEGARA TAHUN LEPAS ADALAH KIRA-KIRA 18 PERATUS ATAU SAMA JUSA DENGAN 38,000 TONS MINYAK DAN INI DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 27 PERATUS PADA 1990 DAN 40 PERATUS PADA TAHUN 2000.

PENINGKATAN INI DIJANGKA LEBIH PESAT SELEPAS 1991 DENGAN SIAPNYA PERINGKAT KEDUA PROJEK PENGGUNAAN GAS SEMENANJUNG (PSU) YANG AKAN MEMBAWA GAS KE KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI YANG RAMAI PENDUDUK DI PANTAI BARAT.

PERDANA MENTERI BERKATA MENJELANG TAHUN 2000, GAS AKAN MENSUABAI SEKTOR KUASA TENAGA SERTA JUGA BEBERAPA INDUSTRI SEMENTARA PENGGUNAAN GAS CACAIR PETROLEUM (LPG) DAN GAS ASLI HAMPAT DIJANGKA LEBIH BERKEMBANG DALAM SEKTOR PENGANGKUTAN.

+GAS PAIP ATAU LPG PAIP AKAN MENJADI SATU CIRI BIASA DALAM RUMAH-RUMAH DI KAWASAN BANDAR. INI MUNGKIN MENJADI SENARIO DI BIDANG TENAGA DI MASA DEPAN,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU LEMBAGA LETRIK NEGARA (LLN) MENJANGKAKAN BAHAWA MENJELANG 1991, KUASA ELEKTRIK DARIPADA PENJAJAAN GAS AKAN MENINGKAT KEPADA 64 PERATUS, SAMBIL MENGURANGKAN PENGGUNAAN MINYAK KEPADA HANYA SATU PERATUS DAN ARANG MENYUMBANGKAN 20 PERATUS SEMENTARA KUASA HAIDRO 13 PERATUS.

PADA MASA INI, KIRA-KIRA 38 PERATUS ELEKTRIK DIJANA DARIPADA MINYAK DAN HANYA 13 PERATUS DARIPADA GAS. --LAGI  
1327HST 18 10 88

U 8933 AAB  
MAHATHIR-GAS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GAS ASLI MENYEDIAKAN SATU ASAS YANG BAIK KEPADA INDUSTRI PETROKIMIA TEMPATAN.

+DENGAN SIAPNYA PROJEK PSU II, BEKALAN KEPADA PETROKIMIA DALAM BENTUK ETHANE, PROPANE DAN BUTANE, AKAN DISEBEDIKAN SECUKUPNYA,+ KATA BELIAU.

PERBADANAN PETROLEUM NASIONAL --PETRONAS-- AKAN MENGELUARKAN MTBE DAN POLYPROPYLENE DARIPADA PROPANE DAN BUTANE, KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN BAHAWA SATU LAGI PERUSAHAAN PETROKIMIA NEGARA ADALAH KEMUNGKINAN MENGELUARKAN ETHYLENE DAN POLYETHYLENE UNTUK KESUMAAN INDUSTRI PLASTIK DAN UNTUK DIEKSPORT.

+KAMI BERHARAP BILA POLYETHYLENE YANG DIKELUARKAN DI NEGARA INI DAPAT DISEBEDIKAN, PERUSAHAAN PENGELUARAN PLASTIK TEMPATAN AKAN BERKEMBANG,+ KATANYA. --LAGI

1349HST 18 10 88

U 8938 AAB  
MAHATHIR-GAS 5 KUALA LUMPUR

MENSENALI PERSIDANGAN ITU, BELIAU BERKATA IANYA DIADAKAN KENA PADA MASANYA KETIKA MALAYSIA BERADA DI AMBANG MENJADI +PEMAIN GAS+ SEPENUHNYA -- SEBAGAI PENGEXPORT DAN PENGGUNA TEMPATAN.

KATANYA MASYARAKAT GAS ANTARABANGSA AKAN DAPAT MELIHAT PEMBANGUNAN DI NEGARA INI MANAKALA PADA MASA YANG SAMA JUSA IA DAPAT MENYUMBANG KE ARAH PENINGKATAN ILHU DAN KEPAKARAN DALAM INDUSTRI ITU.

+UNTUK MEMBANGUN DAN MENGGUNAKAN BAHAN INI UNTUK KEPENTINGAN NEGARA DAN JUGA UNTUK EKSPORT ADALAH SATU CABARAN BESAR KEPADA KAMI. OLEH ITU, KAMI MEMPUNYAI HARAPAN TERTENTU DARIPADA PERSIDANGAN DAN PAHERAN INI,+ KATANYA.

--BERNAMA  
1358HST 18 10 88